

Tidak perlu wujud kementerian jaga hak Melayu

KUALA LUMPUR 16 Jun - Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, tidak perlu diwujudkan entiti khas bagi mentadbir perkara-perkara berkaitan hak istimewa orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Beliau menjelaskan, apa yang penting adalah pemantauan lebih berkesan bagi memastikan orang Melayu menikmati faedah secara menyeluruh ke arah pembangunan sosioekonomi dalam pelbagai bidang.

"Hari ini banyak pemimpin terdiri daripada orang Melayu, kementerian strategik dipegang

oleh orang Melayu yang boleh melaksanakan semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Saya sedih jika kita terpaksa wujudkan satu kementerian tambahan hanya untuk menjaga hak istimewa orang Melayu," ujar beliau kepada pemberita pada hari kedua Seminar Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara, di sini.

Beliau mengulas saranan supaya pelaksanaan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh hak istimewa orang Melayu diperkemaskan bagi memastikan faedahnya dinikmati oleh kaum itu secara lebih menyeluruh.

Tan Sri Dr. Abdul Aziz Abdul

Wm- 17/6/2007
Rahman berkata, ia dapat dilakukan melalui penubuhan sebuah jabatan khas atau kementerian yang akan mentadbir secara langsung perkara-perkara yang berkaitan dengan keistimewaan orang Melayu.

Peguam yang pernah berkhidmat di Jabatan Peguam Negara pada zaman kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein berkata, penubuhan entiti kerajaan itu akan memfokus kepada ciri-ciri penting yang terkandung dalam Perkara 153 untuk manfaat pembangunan sosioekonomi kaum Melayu.

Mengulas lanjut, Khairy menyatakan, Perkara 153 perlu di-

jadikan asas untuk melaksanakan dasar-dasar susulan kerana ia secara langsung boleh membantu orang Melayu.

Namun demikian, beliau berpendapat, kaum lain tidak harus salah faham kerana ia bukan menidakkan peluang atau merampas hak mereka untuk disalurkan kepada orang Melayu.

Mengulas mengenai seminar tersebut, beliau memberitahu, Legasi Tun Abdul Razak perlu diambil sebagai panduan oleh generasi muda selain meneruskan semangat dan falsafah DEB antaranya melibatkan penyusunan semula masyarakat dan memperkasakan sistem persekolahan.